



RUJ. KAMI (Our Ref.) :

UMK.BC/B02.01/500-19/2 JLD. 2 (16)

TARIKH (Date) :

01 MAC 2016

## SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Prof. / Tuan/ Puan,

## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ingin mempelawa kakitangan akademik di Universiti YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

3. Calon yang berminat dan berkelayakan perlulah mengemukakan maklumat berikut:

- i. *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran passport;
- ii. Kertas cadangan yang boleh membantu UMK memperkasakan penyelidikan dan seterusnya dapat menjayakan hasrat menjadikan UMK sebagai Universiti Keusahawanan Terkemuka di peringkat nasional dan antarabangsa; dan
- iii. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni).

4. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan, tarikh tutup permohonan adalah pada 17 Mac 2016 (Khamis). Maklumat lengkap yang mengandungi perkara-perkara seperti di lampiran hendaklah dikemukakan kepada:

**Pendaftar**  
**Pejabat pendaftar**  
**Universiti Malaysia Kelantan**  
**Kampus Bachok**  
**Beg Berkunci No. 01**  
**16300 Bachok**  
**Kelantan**  
[www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)

2/...

5. Bersama ini saya lampirkan hebahan iklan berkaitan perkara tersebut untuk dimaklumkan kepada kakitangan akademik di Universiti YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan.

Kerjasama YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**PAUZI BIN PAK CHU**

Pendaftar

b.p Naib Canselor

Tel : 09-7797000

E-mel : [pauzi@umk.edu.my](mailto:pauzi@umk.edu.my)

## SENARAI EDARAN

Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
Aras 7, Bangunan Canselori  
Universiti Malaya (UM)  
50603 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pendaftar  
Bangunan Canselori  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 Gelugor  
Pulau Pinang

Pengarah Eksekutif Pentadbiran  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi  
Selangor

Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Sedang  
Selangor

Pendaftar  
Bangunan Canselori Sultan Ibrahim  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 UTM Johor Bahru  
Johor

Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
40450 Shah Alam  
Selangor

Pengarah Eksekutif  
Bahagian Perkhidmatan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Aras 3, Bangunan Rektor, P.O.Box 10  
50728 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok  
Kedah

Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
Aras 2, Bangunan CAUH Kampus Barat  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak



Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Aras 4 Bangunan Pentadbiran  
88400 Kota Kinabalu  
Sabah

Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Jalan Slim  
35900 Tanjong Malim  
Perak

Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan

Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
Mengabang Telipot  
21030 Kuala Terengganu  
Terengganu

Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
86400 Parit Raja  
Johor

Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
Melaka

Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang Kuantan  
Pahang

Pendaftar  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Tingkat 12 Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar  
Perlis

Pendaftar  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Aras 1, Pejabat Pendaftar Bangunan Canselori  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu

Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
Kem Sungai Besi  
57000 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur





## JAWATAN KOSONG

# UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN adalah sebuah institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

## JAWATAN AKADEMIK

### 1.0 BUTIRAN JAWATAN

- |     |                                       |   |
|-----|---------------------------------------|---|
| 1.1 | Jawatan:                              | : Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)   |
| 1.2 | Gred:                                 | : Gred Utama B (VU6)  |
| 1.3 | Jadual Gaji Min-Mak (JGMM)            | : RM7,788.05 hingga RM15,900.42   |
| 1.4 | Elaun-Elaun                           |   |
|     | i) Imbuhan Tetap Perumahan            | : RM1,600.00  |
|     | ii) Imbuhan Tetap Keraian             | : RM3,050.00  |
|     | iii) Imbuhan Tetap Jawatan Gred Utama | : RM1,500.00  |
|     | iv) Elaun Pembantu Rumah              | : RM500.00  |
|     | v) Bantuan Penyelenggara Rumah        | : RM2,000.00 (setahun)  |
| 1.5 | Taraf Jawatan                         | : Tukar Sementara/Pinjaman/ Kontrak   |
| 1.6 | Tempoh Lantikan                       | : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia)                    |
| 1.7 | Kelayakan dan Pengalaman              | : Sekurang - kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas C (Berjawatan Tetap/ Kontrak/ setaraf) |

## 2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Pemilihan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria umum dan khusus berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA seperti berikut:

### 2.1 KRITERIA UMUM

**a. Kecemerlangan Akademik;**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional.

**b. Pengiktirafan Antarabangsa;**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar Negara.

**c. Kebolehan Memimpin dan Mengurus;**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

**d. Reputasi;**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

**e. Personaliti;**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

**f. Proaktif;**

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.

**g. Perwatakan;**

Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.

**h. Pengurusan Konflik;**

Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.

**i. Potensi;**

Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.

## 2.2 KRITERIA KHUSUS

**a. Berkemampuan Menguruskan Urusan Berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar;**

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan Universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

**b. Aktif dalam Ko-Kurikulum dan Berpengetahuan Dalam Merekabentuk dan Melaksanakan Ko-Kurikulum Berkredit Serta Program Pembangunan Pelajar Secara Holistik;**

Penyandang mestilah mahir dalam merekabentuk Ko-Kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut efektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemahkan ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

**c. Penglibatan Dalam Jawatankuasa Yang Berkaitan Hal Ehwal Pelajar;**

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-Jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah



seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyangang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

**d. Berpengalaman Dalam Menguruskan Kolej-Kolej Kediaman;**

Penyangang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di Universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Penyangang mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

**e. Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Serta Dihormati Dari Kalangan Alumni;**

Penyangang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

**f. Kriteria-kriteria lain yang difikirkan berdasarkan *niche area* Universiti.**

### 3.0 CARA MEMOHON

3.1 Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Kelantan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- a. 'Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:
  - i. Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
  - ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang. Semua salinan sijil akademik dan yang berkaitan perlulah dikemukakan bersama permohonan ini;
  - iii. Senarai penerbitan yang terkini (termasuk jurnal dan buku);
  - iv. Anugerah dan hadiah yang berprestij yang diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
  - v. Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara; dan
  - vi. Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).

- b. Kertas cadangan yang boleh membantu UMK meningkatkan pembangunan pelajar yang holistik dan seterusnya dapat menjayakan hasrat menjadikan UMK sebagai Universiti Keusahawanan Terkemuka di peringkat nasional dan antarabangsa.
  - c. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).
- 3.2 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- 3.3 Sebarang pertanyaan, sila hubungi:-
- a. Encik Pauzi bin Pak Chu  
Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
No. Tel : 09-7797000  
E-mel : [pauzi@umk.edu.my](mailto:pauzi@umk.edu.my)
  - b. Encik Raja Azlan bin Raja Ismail  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
No. Tel : 09-7797057  
E-mel : [rajaazlan@umk.edu.my](mailto:rajaazlan@umk.edu.my)
- 3.4 Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:
- Pendaftar**  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Malaysia Kelantan  
Kampus Bachok  
Beg Berkunci No.01  
16300 Bachok  
KELANTAN DARUL NAIM
- 3.5 Tarikh tutup permohonan jawatan ialah pada **17 Mac 2016 (Khamis)**.